

PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK DR MAKIN @ MARCUS MOJIGOH (PUTATAN)

TARIKH : DALAM TEMPOH BERSIDANG

SOALAN : Y.B. DATUK DR MAKIN @ MARCUS MOJIGOH minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jenis sumbangan dana kepada Badan Penganut-Penganut Agama lain (bukan Islam) yang disediakan oleh pihak Kerajaan bagi menjalankan aktiviti mereka.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Kerajaan Persekutuan, melalui Pejabat Perdana Menteri, dari masa ke semasa, telah dan akan memberi peruntukan dalam bentuk geran atau bekalan kepada pelbagai pertubuhan keagamaan, tokong, kuil, gereja dan tempat-tempat beribadat bukan Islam yang lain, mengikut permintaan dan keperluan. Di samping itu, kerajaan negeri dan/atau tempatan juga memberi bantuan dalam pelbagai bentuk.